

## Terma & Syarat

### DESA HIDRASI DAN RAIKAN (“Peraduan”)

Peraduan ini dianjurkan oleh Angenet Sdn. Bhd. (“Penganjur”). Dengan menyertai Peraduan ini, anda (“Peserta”) mengesahkan bahawa anda telah membaca, memahami dan bersetuju untuk menerima Terma & Syarat yang tertera seperti berikut:

1	Penganjur	ANGENET SDN. BHD.
2	Peraduan	DESA HIDRASI DAN RAIKAN
3	Tempoh Peraduan	<p>a. Peraduan ini akan berlangsung dari 1 Jun 2026 hingga 19 Julai 2026.</p> <p>b. Semua penyertaan mesti diterima oleh Penganjur pada atau sebelum 23:59:59 (waktu Malaysia) pada 19 Julai 2026. Sebarang penyertaan yang diterima di luar Tempoh Peraduan ini akan dibatalkan secara automatik.</p> <p>c. Untuk penyertaan mingguan, Penganjur akan menerima penyertaan pada atau sebelum 23:59:59 (waktu Malaysia) pada tarikh akhir setiap "Minggu Peraduan" seperti yang tertera di bawah:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Minggu Peraduan 1: 1 Jun 2026 – 7 Jun 2026;</li><li>• Minggu Peraduan 2: 8 Jun 2026 – 14 Jun 2026;</li><li>• Minggu Peraduan 3: 15 Jun 2026 – 21 Jun 2026;</li><li>• Minggu Peraduan 4: 22 Jun 2026 – 28 Jun 2026;</li><li>• Minggu Peraduan 5: 29 Jun 2026 – 5 Julai 2026;</li><li>• Minggu Peraduan 6: 6 Julai 2026 – 12 Julai 2026;</li><li>• Minggu Peraduan 7: 13 Julai 2026 – 19 Julai 2026.</li></ul>
4	Kelayakan	Peraduan ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia dan pemastautin tetap yang menetap dan beralamat tempat tinggal di Malaysia dengan dokumen pengenalan diri yang sah, berumur 18 tahun dan ke atas pada tarikh permulaan Peraduan, kecuali kakitangan Penganjur dan ahli keluarga terdekat mereka, termasuk syarikat-syarikat sekutunya, pembekal/ pengedar, agensi-agensi promosi, dan agensi-agensi pengiklanan/ perhubungan yang terlibat dalam Peraduan ini.
5	Cara-cara Penyertaan	<p>a. Beli air DESA (air mineral semulajadi atau air minuman) bernilai sekurang-kurangnya RM12.00 dalam satu resit/invois rasmi dari mana-mana kedai fizikal sahaja dalam Tempoh Peraduan. Setiap resit/invois tersebut layak untuk satu (1) penyertaan sahaja.</p> <p>b. Hantar butiran berikut melalui WhatsApp ke 017-6751160 atas kos dan perbelanjaan Peserta sendiri:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Gambar jelas seluruh resit bercetak asal yang lengkap;</li><li>• Nama penuh seperti KP;</li><li>• Nombor KP.</li></ul> <p>c. Simpan resit/invois pembelian asal bertarikh dalam Tempoh Peraduan dengan butiran resit/invois yang sepadan dengan penyertaan yang dihantar sebagai “Bukti Pembelian” sekurang-kurangnya dua (2) bulan selepas Peraduan tamat.</p> <p>d. Para Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan yang diinginkan tetapi setiap penyertaan mesti disertakan dengan butiran yang diperlukan dan Bukti Pembelian yang berlainan.</p> <p>e. Para Peserta tidak dibenarkan untuk menghantar lebih daripada satu (1) penyertaan dengan Bukti Pembelian yang sama kepada Penganjur.</p>

		<p>f. Sekiranya Bukti Pembelian yang sama diterima oleh Penganjur dalam pelbagai penyertaan, penyertaan yang paling awal diterima akan diambil kira. Penganjur mempunyai hak mutlak untuk menolak mana-mana penyertaan selepas itu dengan Bukti Pembelian yang sama, sama ada dengan nama Peserta yang lain atau sebaliknya.</p>
6	Hadiah-hadiah Peraduan	<p>a. Hadiah Utama x 1 Pemenang: 65" OLED 8K Smart TV berjenama bernilai RM6,500.00.</p> <p>b. Hadiah Kedua x 10 Pemenang: Set jersi dan bola sepak berjenama bernilai sehingga RM1,100.00 setiap satu.</p> <p>c. Hadiah Ketiga x 25 Pemenang: RM500.00 PIN Tambah Nilai Touch 'n Go eWallet setiap satu.</p> <p>d. Hadiah Mingguan x 10 Pemenang x 7 Minggu Peraduan: RM100.00 PIN Tambah Nilai Touch 'n Go eWallet setiap satu.</p> <p>f. Setiap peserta layak untuk memenangi maksimum dua (2) hadiah sahaja sepanjang Tempoh Peraduan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• 1 x Hadiah Mingguan dan 1 x Hadiah Utama, atau</li> <li>• 1 x Hadiah Mingguan dan 1 x Hadiah Kedua, atau</li> <li>• 1 x Hadiah Mingguan dan 1 x Hadiah Ketiga.</li> </ul>
7	Perincian Pengadilan	<p>Penyertaan yang diterima akan disemak dan disahkan berdasarkan perkara-perkara berikut:</p> <p>a. Semua maklumat yang diminta dan diperlukan diisi dengan betul dan tepat.</p> <p>b. Gambar Bukti Pembelian yang dilampirkan menunjukkan dengan jelas produk yang turut serta dan bilangan yang dibeli, nombor resit/invois, tarikh resit/invois dalam Tempoh Peraduan, nilai pembelian dan nama kedai.</p> <p>c. Hanya resit/invois pembelian bercetak yang asal dan sah dengan maklumat dan butiran produk yang jelas dan lengkap akan diterima. Resit/invois yang sukar dibaca, rosak, diubah, disalin semula, dicetak semula (copy/duplicate), diperolehi secara tidak sah, tersalah cetak atau kesilapan lain atau cetakan tidak jelas atau tidak mengandungi maklumat yang diperlukan adalah tidak sah dan tidak akan diterima. Penganjur mempunyai budi bicara mutlak dan hak untuk membatalkan kelayakan mana-mana resit/invois tidak sah tersebut tanpa sebarang notis terlebih dahulu.</p> <p>d. Resit/invois tanpa deskripsi produk atau deskripsi produk yang tidak jelas, resit/invois manual atau tulisan tangan, nota penghantaran, slip transaksi kad kredit/debit, tangkap layar e-resit/invois dan tangkap layar transaksi bank atau e-dompot tidak akan diterima sebagai bukti pembelian.</p>
8	Cara Pemilihan Pemenang	<p>a. Para pemenang yang layak akan ditentukan secara pemilihan rawak berkomputer daripada jumlah penyertaan layak yang diterima sepanjang setiap Minggu Peraduan (untuk Hadiah Mingguan) dan sepanjang Tempoh Peraduan (untuk Hadiah Utama, Hadiah Kedua dan Hadiah Ketiga).</p> <p>b. Para pemenang yang layak akan dihubungi melalui WhatsApp daripada nombor telefon agensi promosi 017-6751160. Sekiranya peserta tidak dapat dihubungi, contohnya, nombor telefon tiada dalam perkhidmatan, tiada sambungan, atau tidak membalas mesej, dalam tempoh masa yang ditetapkan, kelayakan pemenang tersebut akan dibatalkan. Pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya peserta-peserta tidak dapat dihubungi atas sebarang sebab.</p>

		<p>c. Para pemenang yang layak dikehendaki menghantar kepada pihak Penganjur semua resit asal dan salinan kad pengenalan dalam tempoh dua (2) hari selepas tarikh pemberitahuan. Sekiranya gagal, kelayakan pemenang tersebut akan dibatalkan.</p> <p>d. Pemenang-pemenang hadiah akan diumumkan selepas setiap Tempoh Minggu Peraduan tamat di:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <a href="https://www.facebook.com/DesaMineralWater">https://www.facebook.com/DesaMineralWater</a>; dan/atau</li> <li>• <a href="https://www.instagram.com/desamalaysia/">https://www.instagram.com/desamalaysia/</a>.</li> </ul>
9	Tarikh Tuntutan/ Serahan Hadiah	<p>a. Hadiah-hadiah akan diproses untuk dihantar kepada atau dituntut oleh pemenang dalam tempoh dua (2) bulan selepas tamat Tempoh Peraduan.</p> <p>b. Pemenang-pemenang Hadiah Kedua boleh memilih jersi kegemaran mereka daripada senarai yang diberi oleh Penganjur semasa dihubungi. Bergantung kepada pilihan jersi pemenang, nilai Hadiah Kedua mungkin kurang daripada RM1,100 dan pemenang tidak boleh menuntut sebarang perbezaan nilai hadiah daripada pihak Penganjur.</p> <p>c. Semua Hadiah PIN Tambah Nilai Touch 'n Go eWallet akan dihantar kepada pemenang melalui WhatsApp kepada nombor telefon pemenang yang digunakan semasa menyertai Peraduan. Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya nombor telefon tersebut tidak aktif, tiada dalam perkhidmatan atau telah bertukar hak milik.</p> <p>d. Untuk hadiah yang dihantar terus kepada pemenang, bukti penghantaran adalah bukti penerimaan dan penyerahan hadiah. Penganjur akan mengambil langkah berjaga-jaga tetapi tidak akan bertanggungjawab sekiranya hadiah tidak diterima atau lewat.</p> <p>e. Semua hadiah mesti dituntut dalam tempoh dua (2) bulan daripada tarikh pengumuman pemenang atau notis tuntutan hadiah, yang mana lebih awal. Hadiah-hadiah yang gagal dituntut akan dilupuskan oleh Penganjur.</p> <p>f. Peserta mungkin dikehendaki untuk mengemukakan bukti pengenalan diri semasa penuntutan hadiah untuk tujuan pengesahan. Bentuk-bentuk bukti pengenalan diri yang diterima oleh Penganjur adalah kad pengenalan Malaysia atau lesen memandu Malaysia yang sah. Pihak Penganjur berhak untuk membatalkan kelayakan pemenang atas kegagalan dalam mengemukakan bukti pengenalan diri yang sah.</p> <p>g. Pemenang mungkin dikehendaki untuk menghadiri upacara penyampaian hadiah di Lembah Klang pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh Penganjur. Kegagalan untuk hadir akan menyebabkan kelayakan pemenang dan hadiah dibatalkan.</p> <p>h. Pihak Penganjur mempunyai hak mutlak untuk menggantikan mana-mana hadiah dengan hadiah-hadiah lain yang sama nilainya pada bila-bila masa tanpa sebarang notis. Semua hadiah tidak boleh ditukar milik, dikembalikan atau ditukar untuk apa-apa format atas sebarang sebab. Semua hadiah diberikan dalam 'keadaan sedia ada'.</p>
10	Lain-lain	<p>a. Semua kos peribadi dan/atau sebarang kos, yuran dan/atau perbelanjaan lain yang dikenakan untuk menyertai Peraduan, menghadiri upacara penyampaian hadiah dan untuk menebus hadiah adalah tanggungjawab Peserta sepenuhnya.</p> <p>b. Para Peserta akan menanggung liabiliti dan tanggungjawab sepenuhnya jika berlaku sebarang kemalangan, kecederaan, kerosakan atau tuntutan akibat penyertaan di dalam Peraduan dan daripada tuntutan/ penggunaan hadiah.</p>

	<p>c. Pihak Penganjur dan kesemua pihak yang terlibat dalam Peraduan ini termasuk pengarah, pegawai dan ejen adalah tidak bertanggungjawab terhadap yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Campur tangan oleh pihak yang tidak berkenaan;</li> <li>• Kesilapan manusia dan kegagalan elektronik/teknikal dalam pentadbiran Peraduan ini;</li> <li>• Sebarang penyertaan yang salah dihantar atau tidak diterima atas apa-apa sebab; dan</li> <li>• Semua liabiliti (termasuk kematian) yang terlibat sama ada disebabkan penggunaan hadiah dan/atau penyertaan dalam Peraduan ini secara langsung atau tidak langsung.</li> </ul> <p>d. Pihak Penganjur berhak untuk meminda, menukar atau mengubah Terma dan Syarat ini pada bila-bila masa tanpa memberi sebarang notis terlebih dahulu dan para Peserta akan terikat dengan perubahan kepada Terma dan Syarat ini.</p> <p>e. Keputusan pihak Penganjur adalah muktamad. Sebarang surat-menyurat dan panggilan tidak akan dilayan.</p> <p>f. Dengan menyertai Peraduan, setiap Peserta memberi keizinan kepada Penganjur untuk menyimpan maklumat peribadi mereka dan memproses maklumat peribadi mereka untuk tujuan Peraduan, dan setiap Peserta bersetuju bahawa pihak Penganjur berhak menyiarkan, menggunakan nama dan/atau gambar Peserta serta penyertaan mereka untuk tujuan publisiti, pengiklanan dan/atau perdagangan di media cetak dan media elektronik tanpa sebarang bayaran pampasan mahupun pemberitahuan dan setiap peserta tidak berhak membuat sebarang tuntutan ke atas penggunaan penyertaan tersebut oleh pihak Penganjur.</p> <p>g. Penganjur akan mengumpul maklumat peribadi yang boleh dikenal pasti untuk memberi perkhidmatan-perkhidmatan atau untuk berhubung dengan Peserta. Maklumat ini disimpan oleh pihak Penganjur dalam kaedah yang sesuai dengan data tersebut dan digunakan untuk memenuhi permintaan Peserta. Dengan memberi maklumat peribadi Peserta, Peserta mengakui dan mengesahkan bahawa kebenaran diberikan kepada pihak Penganjur dan/atau ejen-ejen sahnyanya untuk menggunakan maklumat berkenaan untuk tujuan pemasaran dan promosi masa kini atau masa hadapan dan untuk menambahbaikkan produk-produk dan perkhidmatannya. Maklumat peribadi Peserta tidak akan diberikan atau dikongsi dengan pihak-pihak ketiga untuk kegunaan mereka. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi talian Penganjur di 1800 88 3111.</p>
--	---